



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA)

HEBAHAN PENANGGUHAN PENGAMBILAN LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI SESI JULAI 2020 KE SESI JANUARI 2021

1. Selaras dengan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan dan atas keputusan yang diterima daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) ingin memaklumkan bahawa **semua urusan pengambilan pelatih bagi Latihan Separa Perubatan Sesi Julai 2020 adalah DITANGGUHKAN ke Sesi Januari 2021.**
2. Calon-calon Jururawat (PSL) Zon Sabah dan Sarawak yang telah menjalani temu duga dan berjaya, turut akan ditawarkan latihan pada Sesi Januari 2021.
3. Manakala, calon-calon yang terlibat dengan penangguhan urusan peperiksaan *online* dan urusan temu duga, jadual tarikh peperiksaan *online* baharu dan tarikh urusan temu duga baharu akan dimaklumkan kepada calon melalui e-mel. Selain itu, calon juga boleh menyemak urusan berkenaan melalui Portal dan FB SPA.

Sekian untuk makluman.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
31 MAC 2020